



SISTEM PERSIJILAN KEMAHIRAN MALAYSIA

**PANDUAN PERMOHONAN PUSAT PENILAIAN AMALI
PENGIFTIRAFAN PENCAPAIAN TERDAHULU (PPA-PPT)**

**JABATAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA, MALAYSIA.
2021**

KANDUNGAN

Bab	Senarai Kandungan	Muka Surat
	Tafsiran	3
	Senarai singkatan	5
	Senarai Jadual	6
	Senarai Lampiran	6
1.0	PENDAHULUAN	7
2.0	TUJUAN	7
3.0	PERMOHONAN SEBAGAI PUSAT PENILAIAN AMALI (PPA-PPT)	7
4.0	KEPUTUSAN PERMOHONAN PPA-PPT	11
5.0	TARIKH KUAT KUASA	11
6.0	PENUTUP	11

TAFSIRAN

Calon - mana-mana individu yang mempunyai pengalaman kerja dan kemahiran yang berdaftar dengan Ketua Pengarah Pembangunan Kemahiran untuk mendapatkan Sijil.

Keterampilan - kecekapan atau kemampuan yang tinggi dalam melakukan sesuatu kerja atau perbuatan yang memenuhi keperluan NOSS.

Kompetensi - gabungan pengetahuan, kemahiran, tingkah laku dan keselamatan yang diperlukan pada individu dalam usaha untuk melaksanakan kerja dengan jayanya dan efisien berdasarkan kriteria prestasi yang ditetapkan dalam NOSS.

Modular - suatu kaedah persijilan yang melibatkan pelaksanaan pemilihan atau gabungan mana-mana Unit Kompetensi (*Competency Unit – CU*) di dalam Standard sehingga memperolehi tahap persijilan program.

Penilaian Amali - satu proses penilaian tanpa pembangunan portfolio yang meliputi elemen kemahiran, pengetahuan dan sikap/ keselamatan/ persekitaran mengikut keperluan NOSS yang dipohon.

Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu - satu kaedah untuk memberi pengiktirafan kepada mana-mana individu yang boleh membuktikan keterampilan yang digariskan di dalam NOSS berdasarkan kepada pengalaman dan pencapaian terdahulu yang dimiliki.

Persijilan - proses perakuan kelayakkan bagi seseorang yang telah diakui kompeten dan memenuhi tahap kompetensi mengikut keperluan NOSS.

Program - mana-mana satu tajuk pekerjaan untuk satu tahap yang ditetapkan dalam daftar NOSS.

Pusat Penilaian Amali PPT - premis bagi melaksanakan penilaian amali melalui kaedah PPT yang terdiri daripada syarikat/ organisasi, persatuan/ pertubuhan dan penyedia latihan yang dibenarkan oleh JPK.

Penyedia Latihan – mana-mana pusat atau institusi yang menyediakan latihan yang dijadikan tempat bagi melaksanakan penilaian amali melalui kaedah PPT dengan kebenaran JPK

Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia - polisi, mekanisme NOSS dan tatacara yang terlibat dalam penganugerahan suatu sijil oleh Ketua Pengarah Pembangunan Kemahiran.

Standard - Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (SKPK) yang diwujudkan di bawah Akta Pembangunan Kemahiran Kebangsaan 2006 [Akta 652].

Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan / National Occupational Skill Standard - satu dokumen yang menggariskan keterampilan yang perlu dimiliki oleh

seseorang pekerja dalam sesuatu bidang pekerjaan serta laluan untuk mencapai keterampilan tersebut.

SENARAI SINGKATAN

JPK	: Jabatan Pembangunan Kemahiran
JPPM	: Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia
MT	: Mengikut Tahap
NOSS	: <i>National Occupational Skill Standard</i>
PBT	: Pihak Berkuasa Tempatan
PPA-PPT	: Pusat Penilaian Amali - Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu
PPT	: Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu
ROC / ROB	: <i>Registrar of Company / Registrar of Business</i>
SKPK	: Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan
SPKM	: Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia
SSM	: Suruhanjaya Syarikat Malaysia

SENARAI JADUAL

Nama Jadual	Muka surat
Jadual 1 : Kategori PPA-PPT dan jenis calon yang dibenarkan	9

SENARAI LAMPIRAN

Bil.	Dokumen	Lampiran	Muka Surat
1.	Carta alir permohonan PPA-PPT	Lampiran 1	12

1. PENDAHULUAN

Pusat Penilaian Amali PPT (PPA-PPT) merupakan premis yang diluluskan oleh JPK bagi melaksanakan penilaian amali melalui kaedah PPT. Permohonan sebagai PPA-PPT merupakan prosedur di mana JPK menilai keupayaan sesuatu syarikat, organisasi, persatuan, pertubuhan atau penyedia latihan untuk melaksanakan penilaian amali berdasarkan syarat-syarat yang telah ditetapkan. Penilaian amali yang dilaksanakan di PPA-PPT hendaklah merujuk kepada Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (SKPK) atau lebih dikenali sebagai *National Occupational Skills Standard* (NOSS) yang terdapat dalam Daftar Standard terkini serta lain-lain syarat yang telah ditetapkan.

2. TUJUAN

Panduan ini bertujuan untuk menetapkan tatacara dan syarat permohonan sebagai PPA-PPT dan panduan ini perlu dibaca bersama:

- 2.1. Panduan Pelaksanaan Persijilan Kemahiran Malaysia Melalui Kaedah Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT)
- 2.2. Panduan Pendaftaran Persijilan Kemahiran Malaysia Melalui Sistem Latihan Program Bertauliah (SLAPB), Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) Dan Kaedah Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT)
- 2.3. Panduan Pengeluaran Sijil di bawah Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia
- 2.4. Akta Pembangunan Kemahiran Kebangsaan 2006 [Akta 652]; dan
- 2.5. Mana-mana panduan berkaitan yang sedang berkuatkuasa

3. PERMOHONAN SEBAGAI PUSAT PENILAIAN AMALI (PPA-PPT)

- 3.1. PPA-PPT hendaklah memenuhi syarat berikut:

- 3.1.1. Terdiri daripada tiga (3) kategori :

- a. Syarikat / Organisasi yang menjalankan operasi di dalam bidang berkaitan;

- b. Persatuan/ Pertubuhan yang berdaftar; atau
- c. Penyedia Latihan yang menjalankan latihan di dalam bidang berkaitan

3.1.2. Melantik penyelaras yang telah memiliki sijil induksi PP-PPT.

3.1.3. Penyelaras boleh terdiri daripada kakitangan berjawatan tetap di syarikat/ Organisasi atau Penyedia Latihan dan ahli Persatuan/ Pertubuhan berkenaan serta mempunyai pengetahuan dalam pelaksanaan Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia melalui kaedah PPT.

3.1.4. Mempunyai kemudahan dan kelengkapan yang mencukupi bagi melaksanakan penilaian amali mengikut bidang yang di mohon.

3.2. Prosedur permohonan sebagai PPA-PPT boleh dibuat secara dalam talian di dalam sistem MySPIKE dan hendaklah memuatnaik dokumen berikut:

3.2.1. Dokumen pemilikan / pendaftaran syarikat/ organisasi;

3.2.2. Salinan Sijil Kursus Induksi PP-PPT bagi yang dilantik sebagai penyelaras PPT; dan

3.2.3. Dua (2) set soalan penilaian amali berdasarkan program yang dipohon.

3.3. JPK boleh melaksanakan lawatan penilaian PPA-PPT pada bila-bila masa selepas menerima permohonan.

3.3.1. Lawatan penilaian PPA-PPT akan dilaksanakan di tempat PPA-PPT selepas permohonan.

3.3.2. Tiada lawatan penilaian PPA-PPT bagi program yang telah ditauliahkan bagi permohonan dari Pusat Bertauliah (PB).

3.3.3. Skop lawatan penilaian merangkumi penilaian terhadap peralatan, bahan dan tempat penilaian.

3.3.4. Semasa lawatan, PPA-PPT hendaklah menyediakan kelengkapan, peralatan dan bahan mengikut kehendak soalan amali sepenuhnya seperti berikut:

- a. Menyediakan dan memastikan kuantiti kelengkapan, peralatan dan bahan mencukupi mengikut bilangan calon;
- b. Memastikan peralatan berfungsi dengan baik dan selamat untuk digunakan;
- c. Memastikan peralatan memenuhi keperluan perlesenan (jika berkaitan); dan
- d. Memastikan peralatan, kelengkapan dan bahan mematuhi mana-mana undang-undang yang berkaitan.

3.4. Carta alir permohonan PPA-PPT adalah seperti di **Lampiran 1**.

3.5. Kelulusan sebagai PPA-PPT

3.5.1. PPA-PPT yang telah diluluskan mengikut kategori 3.1.1 hanya dibenarkan mendaftar dan menguruskan calon seperti **Jadual 1**.

Jadual 1: Kategori PPA-PPT dan jenis calon yang dibenarkan

Kategori PPA-PPT	Pemohon yang dibenarkan menjadi calon PPT
Syarikat / Organisasi	Hanya kakitangan/pekerja syarikat/ organisasi tersebut sahaja.
Persatuan/ Pertubuhan	Terhad kepada ahli yang berdaftar dengan Persatuan/ Pertubuhan tersebut sahaja.
Penyedia Latihan	Boleh menerima mana-mana individu untuk didaftarkan sebagai calon PPT.

3.5.2. Tempoh kelulusan sebagai PPA-PPT adalah selama **3 tahun**.

3.5.3. Permohonan pembaharuan hendaklah dikemukakan kepada JPK secara dalam talian melalui sistem MySPIKE. PPA-PPT yang diluluskan

hanya dibenarkan melaksanakan penilaian amali bagi kaedah persijilan mengikut tahap (MT) dan modular sahaja.

3.5.4. JPK boleh membatalkan sesi verifikasi PPL-PPT sekiranya:

- a. PPA-PPT gagal menyediakan bahan, peralatan dan kelengkapan mengikut kehendak soalan pada hari verifikasi dilaksanakan;
- b. PPA-PPT menukar tempat verifikasi;
- c. Tidak menggunakan set soalan yang diluluskan oleh JPK; atau
- d. Penyelaras tidak hadir semasa sesi verifikasi tanpa sebab yang munasabah.

3.5.5. Sekiranya berlaku perubahan lokasi, hakmilik atau apa-apa pindaan maklumat PPA-PPT, kelulusan sebagai PPA-PPT akan terbatal dan perlu membuat permohonan semula sebagai PPA-PPT.

3.6. Tanggungjawab Penyelaras PPA-PPT:

- 3.6.1. Menyelaras pendaftaran dan permohonan calon di dalam sistem MySPIKE;
- 3.6.2. Menyediakan jadual penilaian berdasarkan kumpulan calon yang didaftarkan;
- 3.6.3. Mengemaskini maklumat penilaian calon di dalam sistem MySPIKE bagi tujuan permohonan verifikasi PPL-PPT ;
- 3.6.4. Memastikan bahan, peralatan dan kelengkapan serta soalan penilaian amali lengkap sebelum sesi penilaian dilakukan;
- 3.6.5. Menghadiri sesi verifikasi PPL-PPT;
- 3.6.6. Memastikan calon hadir semasa sesi verifikasi dan hanya calon yang berdaftar sahaja yang layak menduduki penilaian amali tersebut;
- 3.6.7. Memberi penerangan kepada calon berkenaan penilaian amali yang akan dijalankan;
- 3.6.8. Memastikan PPL-PPT mengemaskini keputusan penilaian dalam sistem MySPIKE; dan

3.6.9. Bertanggungjawab dalam mengumpul LPKT yang telah disahkan oleh PPL-PPT bagi penilaian DKM dan DLKM untuk diserahkan kepada JPK.

4. KEPUTUSAN PERMOHONAN PPA-PPT

- 4.1. Keputusan pemohonan sebagai PPA PPT boleh di semak dan dicetak melalui sistem MySPIKE.
- 4.2. Permohonan yang tidak diluluskan, boleh mengemukakan semula permohonan dengan memenuhi syarat-syarat permohonan yang ditetapkan.

5. TARIKH KUAT KUASA

Panduan ini berkuatkuasa pada Ogos 2021.

6. PENUTUP

Panduan Permohonan PPA-PPT melalui Kaedah Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu ini dibangunkan bagi memastikan pelaksanaan penilaian amali di PPA-PPT memenuhi syarat dan peraturan Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia.

CARTA ALIR PERMOHONAN PPA-PPT

